

*Artikel*

**Manifestasi Hiburan terhadap Tingkah laku Disruptif melalui Jejak Digital *Instagram* dalam kalangan Remaja di Terengganu**

(*Manifestation of Entertainment on Disruptive Behavior through Instagram Digital Footprints among Adolescents in Terengganu*)

Zalmizy Hussin<sup>1</sup> & Siti Rohana Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah 05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zalmizy@uum.edu.my](mailto:zalmizy@uum.edu.my)

Diserah: 12 Julai 2023

Diterima: 08 Januari 2024

**Abstrak:** Artikel ini mengkaji tingkah laku distruptif melalui jejak digital *Instagram*. Penggunaan meluas platform media sosial, terutamanya *Instagram* telah menimbulkan kebimbangan mengenai kesan aktiviti dalam talian terhadap tingkah laku remaja. Dengan menganalisis jejak digital yang ditinggalkan oleh remaja di *Instagram*, kajian ini bertujuan untuk mengkaji manifestasi hiburan terhadap tingkah laku disruptif yang dibina daripada jejak digital. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kritikal terhadap catatan *Instagram* untuk memberikan pemahaman menyeluruh mengenai fenomena ini. Sampel seramai 21 orang yang diambil dengan menggunakan persampelan bertujuan dan persampelan bola salji. Data kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian tidak ikut serta, temu bual secara mendalam dan temu bual kumpulan fokus. Data kajian dianalisis melalui analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan lapan manifestasi hiburan yang dibina oleh remaja yang mempengaruhi tingkah laku disruptif iaitu perhubungan, lawak, berita semasa, pendapat individu, aktiviti semasa, muzik, berita mistik dan kecantikan. Implikasi hasil kajian ini menekankan keperluan ibu bapa, pendidik, dan pembuat dasar untuk mempromosikan literasi digital dan memberikan panduan kepada remaja dalam mengendalikan tingkah laku *online* secara berhemah dalam landskap digital secara berkesan.

**Kata kunci:** Manifestasi hiburan; tingkah laku disruptif; jejak digital; *Instagram*; remaja


**Abstract:** This article examines disruptive behaviour through Instagram's digital footprint. The widespread use of social media platforms, especially Instagram, has raised concerns about the impact of online activities on adolescent behaviour. By analysing the digital footprint left by teenagers on Instagram, this study aims to investigate the manifestations of entertainment on disruptive behaviour constructed from these digital footprints. The study employs a critical case study approach to Instagram records to provide comprehensive insights into this phenomenon. A sample of 21 individuals was selected through purposive and snowball sampling methods. Data were collected using non-participant observation, in-depth interviews, and focus group interviews. Thematic analysis was used to analyse the research data. The study's results reveal eight manifestations of entertainment constructed by teenagers that influence disruptive behaviour: relationships, humour, current events, individual opinions, current activities, music, mystical news, and beauty. The implications of this research highlight the need for parents, educators, and policymakers to promote digital

literacy and provide guidance to teenagers on how to engage in respectful online behaviour effectively within the digital landscape.

**Keywords:** Manifestation of entertainment; disruptive behaviour; digital footprints; Instagram; teenagers

## Pengenalan

Di era digital yang semakin canggih ini, media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan remaja. Media sosial telah menjadi salah satu alat komunikasi utama dalam kalangan remaja pada masa kini (Bozzola et al., 2022). Pada Januari 2023, sekitar 78.5 peratus daripada penduduk Malaysia adalah pengguna media sosial yang aktif (*Statista*, 2023). Ini adalah penurunan sebanyak 13.2 peratus berbanding tahun 2022, di mana pengguna media sosial berjumlah kira-kira 91.7 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia. Terdapat 28 juta pengguna media sosial di Malaysia (Berita Harian, 22 September 2021). Kajian yang dilakukan oleh *StatCounter* pada tahun 2023 (Rajah 1) menunjukkan platform media sosial yang popular adalah *Facebook* (75.32%), *Instagram* (9.58%), *Twitter* (8.29%), *Pinterest* (3.1%), *YouTube* (2.96%) dan *Reddit* (0.36%).



Rajah 1. Platform media sosial paling popular di Malaysia sehingga jun 2023  
Sumber: *StatCounter* (2023)

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Howe pada tahun 2023 mendapati platform media sosial yang paling popular di Malaysia adalah *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *YouTube*, dan *TikTok*. *Facebook* merupakan pemimpin utama dengan lebih daripada 24 juta pengguna. *Instagram* merupakan platform kedua yang paling popular dengan lebih daripada 18 juta pengguna. *WhatsApp* merupakan platform ketiga yang paling popular dengan lebih daripada 15 juta pengguna. *YouTube* merupakan platform keempat yang paling popular dengan lebih daripada 14 juta pengguna. *TikTok* merupakan platform kelima yang paling popular dengan lebih daripada 10 juta pengguna (Howe, 2023). Rata-rata warga Malaysia menghabiskan 2.9 jam di media sosial setiap hari (*Statista*, 2022). Ini lebih tinggi daripada purata global sebanyak 2.4 jam sehari (*Sinar Daily*, 2023). Aktiviti paling popular di media sosial di Malaysia termasuk:

- Menjalin hubungan dengan rakan dan keluarga: 75% pengguna media sosial di Malaysia menggunakan media sosial untuk berhubung dengan rakan dan keluarga.

- ii. Mengikuti berita dan peristiwa semasa: 65% pengguna media sosial di Malaysia menggunakan media sosial untuk mengikuti berita dan peristiwa semasa.
- iii. Berbelanja: 55% pengguna media sosial di Malaysia menggunakan media sosial untuk berbelanja.
- iv. Belajar perkara baru: 50% pengguna media sosial di Malaysia menggunakan media sosial untuk belajar perkara baru.
- v. Hiburan: 45% pengguna media sosial di Malaysia menggunakan media sosial untuk hiburan (*StatCounter*, 2023; *Commission Factory*, 2023).

Justeru, artikel ini menyelidiki perubahan dalam cara remaja menggunakan *Instagram* sebagai medium hiburan, dan bagaimana hiburan ini boleh mempengaruhi tingkah laku disruptif dalam kalangan mereka.

## Sorotan Literatur

*Instagram*, platform berorientasikan visual, berkembang dengan kandungan hiburan (Khalisah & Anjarningsih, 2020; Lu & Lin, 2022; Morris et al., 2022; Peña-Fernández et al., 2022; Petrović et al., 2022; Stollfuß, 2020). Pengguna boleh berkongsi gambar, video, dan cerita yang merangkumi pelbagai bentuk hiburan, seperti kemas kini selebriti, *meme* lucu, dan kandungan gaya hidup. Kandungan ini boleh membentuk dan mencerminkan nilai, minat, dan tingkah laku remaja (Valkenburg & Peter, 2009). Platform ini asalnya dicipta sebagai tempat berkongsi gambar dan pengalaman, tetapi seiring berlalunya waktu, ia telah menjadi lebih daripada itu. Kini, *Instagram* telah menjadi sumber hiburan yang utama bagi remaja. Penggunaan *Instagram* telah berkembang pesat sejak dilancarkan pada tahun 2010. Apabila platform ini pertama kali muncul, ia digunakan terutamanya untuk berkongsi gambar dan pengalaman harian. Namun, sejak itu, *Instagram* telah menjalani transformasi yang ketara. Ia kini menjadi platform multimedia yang pelbagai, yang membolehkan pengguna berkongsi gambar, video, cerita, dan banyak lagi. Salah satu perkembangan paling ketara adalah peranannya sebagai sumber hiburan utama. Remaja menggunakan *Instagram* untuk mencari hiburan dalam pelbagai bentuk. Mereka boleh mengikuti akaun selebriti, pelawak, atau pembikin kandungan popular yang menawarkan hiburan dalam bentuk gambar lucu, video pendek, atau *meme* yang menghiburkan. Selebriti dan pengaruh sosial memiliki peranan penting dalam menentukan jenis hiburan yang dicari oleh remaja di *Instagram*. Mereka mempromosikan gaya hidup tertentu, trend fesyen, dan kegiatan sosial yang mungkin tidak selalu positif. Sebagai contoh, remaja sering terdedah kepada gambar dan video yang memperlihatkan pengaruh alkohol, dadah, atau tingkah laku yang tidak sesuai dengan umur remaja. Ini boleh mempengaruhi persepsi remaja tentang norma sosial dan tingkah laku yang dianggap sesuai.

Jejak digital di *Instagram* merujuk kepada kesan dalam talian yang individu tinggalkan melalui interaksi mereka di platform media sosial seperti *Instagram*. Jejak ini merangkumi bukan sahaja kandungan yang dipos (*posting*) tetapi juga komen (*comment*), suka (*like*), dan bentuk interaksi lain. Remaja, khususnya, mungkin tidak sepenuhnya memahami implikasi jangka panjang kesan jejak digital yang boleh diakses dan dinilai oleh rakan sebaya, ibu bapa, dan bakal majikan kelak (Livingstone & Brake, 2010). Tingkah laku Disruptif dalam kalangan remaja boleh merangkumi pelbagai tingkah laku daripada buli siber sehingga interaksi dalam talian yang agresif. Remaja yang terlibat dalam tingkah laku disruptif mungkin dipengaruhi oleh kandungan yang mereka jumpai di platform seperti *Instagram*, serta reaksi yang mereka terima daripada rakan sebaya (Kowalski et al., 2019).

Manifestasi hiburan yang disruptif dalam kalangan remaja boleh merangkumi penggunaan dadah dan alkohol, tingkah laku agresif atau cabul, dan penglibatan dalam aktiviti haram. *Instagram*, sebagai platform yang meluas dan boleh diakses, boleh menjadi medium di mana jenis hiburan ini dipromosikan dan diikuti. Remaja yang terdedah kepada kandungan ini mungkin merasakan tekanan untuk mengikutinya, kerana ia mungkin dianggap sebagai norma dalam kalangan rakan sebaya mereka. Pengaruh hiburan *Instagram* terhadap tingkah laku remaja adalah isu yang perlu diberi perhatian serius. Beberapa kajian telah membuktikan hubungan berpotensi antara pendedahan kepada jenis kandungan hiburan tertentu di *Instagram* dan tingkah laku disruptif dalam kalangan remaja. Sebagai contoh, kajian oleh Smith et al. (2017) mendapati remaja yang mengikuti akaun *Instagram* yang memuja tingkah laku agresif lebih cenderung terlibat dalam buli siber. Demikian juga, kajian oleh Brown dan rakan-rakan (2020) menunjukkan bahawa pendedahan kepada kandungan eksplisit atau keganasan di *Instagram* berkaitan dengan peningkatan kecenderungan tingkah laku

dalam talian yang agresif dalam kalangan remaja. Paparan berterusan kepada hiburan yang disruptif boleh meningkatkan kemungkinan remaja untuk mengikutinya. Ini boleh mengakibatkan peningkatan berlakunya konflik dengan undang-undang, masalah kesihatan mental, ketagihan internet dan ketidakpuasan diri. Justeru, adalah penting bagi masyarakat, ibu bapa, dan pendidik untuk memahami bagaimana *Instagram* mempengaruhi remaja dan mengambil tindakan yang sesuai. Beberapa langkah yang boleh diambil termasuk:

- i. Pendidikan: Menyediakan pendidikan kepada remaja tentang bagaimana media sosial dapat mempengaruhi tingkah laku mereka.
- ii. Pemantauan: Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak mereka di *Instagram* dan berkomunikasi secara terbuka tentang isu-isu yang mungkin timbul.
- iii. Pengiktirafan Kandungan Positif: Mendorong remaja untuk mengikuti akaun dan kandungan yang positif dan mendidik.
- iv. Pusat Sokongan: Mewujudkan pusat sokongan untuk remaja yang mungkin terdedah kepada hiburan yang disruptif.

Oleh itu, pengaruh rakan sebaya memainkan peranan penting dalam tingkah laku remaja di platform media sosial. Remaja mungkin mencontohi tingkah laku gangguan yang mereka saksikan dalam kalangan rakan sebaya mereka, terutamanya jika ia disajikan dengan cara yang menghiburkan atau menarik perhatian (Wright & Li, 2013). Sebagai kesimpulan, manifestasi hiburan di jejak digital *Instagram* dalam kalangan remaja adalah isu yang kompleks dengan konsekuensi yang berpotensi jauh. Walaupun *Instagram* menyediakan platform untuk hiburan dan pengekspresian diri, ia juga meninggalkan jejak digital yang boleh menyumbang kepada tingkah laku gangguan. Pengaruh rakan sebaya dan pendedahan kepada jenis kandungan tertentu nampaknya menjadi faktor utama dalam hubungan ini. Kajian lanjut diperlukan untuk lebih memahami fenomena ini dan untuk membangunkan strategi untuk mempromosikan tingkah laku digital yang bertanggungjawab dalam kalangan remaja.

## Metodologi

### 1. Rekabentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes untuk menjalankan penyelidikan. Kajian kes ditakrifkan sebagai “pemeriksaan mendalam mengenai satu unit analisis tunggal, seperti individu, kumpulan, organisasi, atau komuniti”. Kajian kes boleh digunakan untuk meneroka pelbagai soalan penyelidikan, tetapi ia sangat sesuai untuk memahami fenomena sosial kompleks yang tidak dapat dikaji dengan mudah melalui kaedah lain (Neuman, 2014). Justeru, kajian ini memilih reka bentuk kajian kes kritikal yang memberi tumpuan kepada kes yang sangat penting atau mewakili fenomena yang lebih besar. Jenis kajian kes ini sering digunakan untuk menguji atau mencabar teori sedia ada atau untuk menghasilkan teori baru. Neuman (2014) menjelaskan beberapa cir-ciri utama yang membezakan kajian kes kritikal daripada jenis kajian kes lain seperti berikut:

- i. kajian kes kritikal biasanya memberi tumpuan kepada kes yang dianggap “kritikal” dengan cara tertentu. Ini bermakna kes tersebut adalah penting atau mewakili fenomena yang lebih besar.
- ii. kajian kes kritikal biasanya menggunakan reka bentuk penyelidikan yang lebih mendalam dan ketat daripada jenis kajian kes lain. Ini bermakna penyelidik biasanya mengumpul pelbagai jenis data dari kes tersebut, termasuk temubual, dokumen, dan pemerhatian. Penyelidik kemudiannya akan menggunakan data ini untuk menganalisis kes dengan teliti dan membuat kesimpulan tentang fenomena yang lebih besar.
- iii. kajian kes kritikal biasanya mempunyai rangka teori yang jelas. Ini bermakna penyelidik mempunyai pemahaman yang jelas tentang teori-teori sedia ada yang berkaitan dengan kes tersebut, dan mereka akan menggunakan pemahaman ini untuk memandu penyelidikan mereka. Penyelidik kemudiannya akan menggunakan hasil kajian kes untuk menguji atau mencabar teori-teori ini, atau untuk menghasilkan teori baru.

Melalui pendekatan kajian kes, penyelidik dapat meneroka sesuatu fenomena secara lebih mendalam. Hal ini kerana melalui kajian kes penyelidik dapat mengambarkan secara realiti sebenar isu sosial yang ingin dinyatakan.

## 2. Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian tidak ikut serta secara atas talian untuk melihat tingkah laku informan di Instagram. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian tidak ikut serta dijalankan dengan mengamati forum dalam talian atau kumpulan media sosial melalui aktiviti berikut:

- i. Membaca pos dan komen: Ini merupakan bentuk paling asas pemerhatian bukan peserta. Penyelidik hanya membaca pos dan komen yang dibuat di forum atau kumpulan media sosial. Ini boleh memberikan penyelidik gambaran tentang bagaimana orang berinteraksi sesama mereka, topik yang mereka minati, dan jenis bahasa yang mereka gunakan.
- ii. Turut serta dalam perbincangan: Ini merupakan bentuk pemerhatian bukan peserta yang lebih aktif. Penyelidik turut serta dalam perbincangan di forum atau kumpulan media sosial. Ini boleh memberikan penyelidik pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana orang berinteraksi sesama mereka, dan ia juga membolehkan penyelidik bertanya dan mendapatkan penjelasan tentang perkara-perkara yang mereka tidak pasti (Webb, 2017).

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira apabila menjalankan pemerhatian bukan peserta dalam forum dalam talian atau kumpulan media sosial. Pertama, penting untuk sedar tentang implikasi etika dalam penyertaan dalam kumpulan-kumpulan ini. Penyelidik tidak boleh menyertai dengan cara yang boleh membahayakan atau mengeksplorasi peserta. Kedua, penting untuk menghormati privasi peserta. Penyelidik tidak boleh berkongsi maklumat peribadi tentang peserta tanpa persetujuan mereka. Oleh itu, kaedah pemerhatian tidak ikut serta secara dalam talian atau kumpulan media sosial boleh menjadi alat yang penting untuk memahami tingkah laku dalam talian, berinteraksi sesama mereka dan dengan internet, dan membantu mengenal pasti corak dan trend dalam tingkah laku dalam talian.

Selain itu, kajian ini menggunakan soalan temubual semi struktur untuk menyoal informan. Soalan temubual akan dibentuk berdasarkan tema dan subtema yang dibentuk daripada aspek-aspek di dalam soal selidik penggunaan media sosial dan pemerhatian tidak turut serta secara atas talian Instagram informan. Temubual ini dilakukan secara bersemuka dengan informan. Temubual bersemuka memberi peluang kepada penyelidik untuk membina hubungan yang baik dan beramah mesra dengan informan serta dapat melihat samada informan ingin terlibat di dalam kajian atau pun tidak (Neuman, 2014). Kajian ini juga menggunakan kaedah temubual kumpulan fokus. Temubual kumpulan fokus lebih berbentuk perbincangan di antara informan dan diketuai oleh penyelidik. Corbin dan Strauss (2015) membincangkan penggunaan kumpulan fokus dalam penyelidikan kualitatif. Mereka mengakui bahawa kumpulan fokus dapat menjadi alat yang berharga dalam memahami dunia sosial. Dalam bukunya yang berjudul "Asas Penyelidikan Kualitatif", mereka menjelaskan bagaimana kumpulan fokus digunakan untuk mengumpulkan data kualitatif melalui interaksi dan perbincangan berkumpulan. Dengan melibatkan peserta dalam sesi kumpulan fokus, penyelidik dapat memahami perspektif mereka, pengalaman mereka, dan memperoleh wawasan yang lebih mendalam mengenai isu-isu yang dikaji. Corbin dan Strauss juga menyedari bahawa kumpulan fokus mempunyai batasan, termasuk kemungkinan adanya dominasi pendapat, pengaruh peserta lain, dan sulitnya mengumpulkan maklumat yang mendalam dalam sesi yang terhad. Namun, mereka meyakinkan bahawa dengan penjagaan yang betul terhadap metodologi dan pertimbangan etika, kumpulan fokus tetap menjadi alat penting dalam penyelidikan kualitatif untuk mendedahkan persepsi, keyakinan, dan pengalaman yang kompleks dari pelbagai peserta.

## 3. Lokasi Kajian

Kajian ini telah dilakukan di sebuah sekolah yang mensasarkan pelajar sekolah Menengah sebagai informan. Salah satu sekolah Menengah di Terengganu dipilih untuk memenuhi objektif kajian yang dilakukan, dimana penyelidik ingin mengenalpasti personaliti dan mendapatkan jejak digital daripada remaja yang mempunyai masalah tingkah laku disruptif. Hal ini kerana setiap pelajar di sekolah sudah tentu mempunyai media sosial yang digunakan untuk berhubung atau pun berkongsi mengenai diri.

#### 4. Populasi dan Persampelan

Populasi dalam kajian sains sosial merujuk kepada kumpulan individu, entiti, atau objek yang menjadi fokus kajian (Babbie, 2016). Ia merangkumi keseluruhan kelompok yang ingin diteliti atau dikaji bagi tujuan penyelidikan sosial (Neuman, 2013). Populasi sering kali mempunyai ciri-ciri atau sifat yang sama atau berkaitan, dan ia boleh merujuk kepada manusia, kumpulan masyarakat, organisasi, atau kawasan geografi (Bryman, 2016). Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan persampelan bola salji untuk memilih seramai 21 informan untuk dijadikan sebagai subjek kajian. Dalam kajian ini, persampelan bertujuan adalah proses pemilihan sampel yang dilakukan dengan sengaja dan berdasarkan pertimbangan tertentu oleh penyelidik. Neuman (2013) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan digunakan apabila penyelidik mempunyai tujuan tertentu untuk memilih individu atau kumpulan tertentu yang mempunyai maklumat yang relevan dengan kajian yang sedang dijalankan. Dalam persampelan bertujuan, penyelidik dengan sengaja memilih sampel yang mewakili ciri-ciri, sifat, atau pengalaman yang spesifik yang ingin dikaji. Penyelidik boleh memilih sampel berdasarkan pengetahuan sebelumnya tentang subjek kajian, kepakaran khusus, atau ciri yang dianggap penting untuk mencapai tujuan kajian. Tujuan persampelan bertujuan adalah untuk mendapatkan maklumat yang kaya dan mendalam tentang populasi yang dikaji. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa hasil dari persampelan bertujuan tidak boleh secara langsung digeneralisasikan kepada populasi secara keseluruhan, kerana sampel tersebut tidak dipilih secara rawak.

Persampelan bola salji pula merupakan kaedah persampelan di mana sampel awal dipilih berdasarkan kriteria tertentu, dan kemudian informan yang terpilih memberikan rujukan atau cadangan untuk mencari informan tambahan yang sesuai dengan kriteria kajian (Neuman, 2015). Kaedah ini berguna apabila populasi yang ingin dikaji sukar dijangkau atau mempunyai ciri-ciri khusus, seperti kumpulan tersembunyi atau minoriti tertentu. Dengan bantuan informan awal, penyelidik dapat meluaskan sampel dengan menghubungi individu atau kumpulan yang mungkin tidak dapat diakses melalui kaedah lain. Namun, penting untuk diingat bahawa persampelan bola salji cenderung mengenalkan kecenderungan, kerana informan yang dirujuk mungkin memiliki persamaan dalam ciri-ciri atau rangkaian sosial tertentu. Oleh itu, interpretasi hasil kajian yang menggunakan kaedah ini perlu dilakukan dengan berhati-hati dan memperhatikan batasan yang mungkin timbul.

#### 4. Analisis Data

Data temu bual secara mendalam dikumpul dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Dala kajian ini, analisis tematik ialah kaedah analisis yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan kualitatif. Analisis tematik juga merupakan salah satu cara untuk menganalisa data dengan tujuan untuk mengenal pasti corak dan menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik. Braun dan Clarke (2006) mendefinisikan analisis tematik sebagai “Satu kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak dalam data”. Justeru, analisis tematik membolehkan fleksibiliti dalam pilihan rangka kerja teori oleh penyelidik. Beberapa kaedah analisis lain berkait rapat dengan teori tertentu, tetapi analisis tematik boleh digunakan dengan mana-mana teori yang dipilih oleh penyelidik. Melalui fleksibiliti ini, analisis tematik membolehkan penerangan yang terperinci dan kompleks tentang data yang dikumpul oleh penyelidik.

### Hasil Kajian

#### 1. Sosiodemografi Informan

Dalam Jadual 1, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 21 orang informan yang terdiri daripada 15 lelaki (71.4%) dan 6 orang informan perempuan (28.6%). 21 orang informan yang dipilih adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik. Selain itu, informan yang digunakan kesemuanya adalah beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Jadual 1. Taburan informan berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
Lelaki	15	71.4
Perempuan	6	28.6
Jumlah	21	100.0

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat dua peringkat umur sahaja iaitu 15 tahun dan 16 tahun. Dapatkan menunjukkan terdapat 8 orang (38.1%) informan yang berusia 15 tahun. Manakala, 13 orang (61.9%) informan pula berumur 16 tahun. Kesemua informan ini adalah remaja yang berada di sekolah menengah.

Jadual 2. Taburan informan berdasarkan umur

Umur	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
15	8	38.1
16	13	61.9
Jumlah	21	100.0

Daripada 21 orang informan tersebut, penyelidik telah melakukan pemerhatian secara tidak langsung terhadap 9 orang informan yang aktif di Instagram. Pemerhatian dilakukan selama tiga bulan bermula 1 Disember 2020 sehingga 28 Februari 2021. Pemerhatian yang dilakukan melibatkan cerita, jumlah pengikut dan mengikuti informan di *Instagram*. Penyelidik akan merekod aktiviti yang dilakukan oleh informan di cerita milik informan dan mengklasifikasikan kandungan yang di muatnaik atau kongsi kepada tema dan sub tema yang sesuai. Selama tiga bulan penyelidik membuat pemerhatian secara tidak langsung di Instagram sebanyak 907 telah dimuatnaik atau kongsi oleh informan yang terlibat (Jadual 3).

Jadual 3. Data instagram informan

Informan	Pengikut	Mengikuti	Post
1	18.3k	40	7
2	1528	1269	0
3	7077	1615	1
4	896	2163	8
5	876	799	3
6	298	92	0
7	990	1707	29
8	3311	641	5
9	908	897	0

## 2. Manifestasi Hiburan Terhadap Tingkah Laku Disruptif Remaja

Hasil kajian menunjukkan lima manifestasi hiburan yang dibina oleh remaja yang mempengaruhi tingkah laku disruptif iaitu perhubungan, lawak, berita semasa, pendapat individu, aktiviti semasa, muzik, berita mistik dan kecantikkan. Huraian mendalam disertai dengan beberapa contoh petikan informan dan interpretasi seperti berikut:

### *Perhubungan*

Perhubungan dalam jejak digital di *Instagram* adalah hubungan yang terbentuk antara pengguna instagram dengan orang lain, diri sendiri, atau produk yang dipromosikan di platform media sosial tersebut. Dalam kajian ini, informan 2 berkongsi pengalaman peribadi mengenai bagaimana *Instagram* boleh merosakkan perhubungan dalam keluarga. Ungkapan informan 1 menyatakan:

*“Saya pernah mengalami sendiri bagaimana Instagram boleh menjadi medan untuk perpecahan dalam keluarga. Saya dan adik beradik seringkali bertelagah kerana apa yang kami kongsi di sini. Saya percaya ini adalah akibat dari tekanan untuk menunjukkan kehidupan yang sempurna di platform ini”.*

(Informan 2, 16 tahun, pelajar)

Informan ini menyatakan tekanan untuk mempamerkan kehidupan yang sempurna di sini boleh menyebabkan pertelingkahan antara ahli keluarga, yang akhirnya mengganggu hubungan mereka. Manakala, informan 1 merakamkan bagaimana jejak digital di Instagram seringkali merosakkan perhubungan sosial. Pengguna seringkali terjerumus dalam perbandingan yang tidak sihat dengan orang lain di platform ini, yang akhirnya mengakibatkan ketidakpuasan dalam hidup. Selain itu, komunikasi yang tidak seimbang dan tidak sehat di Instagram boleh mempengaruhi kesetiaan dalam hubungan. Informan 1 berkongsi ungkapan menyatakan:

*“Saya sering menyaksikan bagaimana hubungan antara rakan-rakan saya terjejas kerana jejak digital mereka di Instagram. Mereka selalu membandingkan hidup mereka dengan kehidupan yang mereka lihat di Instagram, dan ini sering menyebabkan rasa tidak puas hati. Selain itu, terdapat juga masalah ketidaksetiaan dalam hubungan akibat komunikasi yang tidak sehat di platform ini”*

(Informan 1, 16 tahun, pelajar)

Daripada dua contoh petikan informan tersebut, dapat dirumuskan bagaimana jejak digital di *Instagram* dapat memberi kesan yang negatif terhadap perhubungan sosial, termasuk hubungan persahabatan dan keluarga. Hal ini adalah satu manifestasi dari tingkah laku disruptif yang dapat berlaku dalam konteks digital. Jejak digital di platform Instagram dapat memainkan peranan penting dalam mengganggu perhubungan sosial, termasuk perbandingan yang merosakkan kebahagiaan dan ketidaksetiaan dalam hubungan persahabatan, serta potensi untuk mencetuskan pertelingkahan dalam keluarga. Fenomena ini mencerminkan bagaimana tingkah laku disruptif dapat mempengaruhi dinamik perhubungan dalam era digital.

### *Lawak*

Lawak adalah unsur yang berperanan penting dalam manifestasi tingkah laku disruptif di platform *Instagram*. Pengguna sering menggunakan humor sebagai alat untuk menyampaikan pesanan sosial atau kritikan secara kreatif. Manifestasi lawak dalam tingkah laku disruptif di *Instagram* boleh menjadi alat untuk menyampaikan pesanan sosial atau kritikan secara berbentuk hiburan. Ia menunjukkan bahawa pengguna platform ini mampu menggunakan humor sebagai strategi untuk menarik perhatian kepada isu-isu penting yang perlu dibincangkan. Contohnya, informan 4 menyatakan seorang individu boleh memuat naik meme yang lucu tentang isu-isu tertentu, yang kemudian menjadi viral dan memikat perhatian ramai. Ungkapan informan 4 adalah seperti berikut:

*“Dalam dunia digital ini, lawak kadang-kadang boleh menjadi senjata yang kuat untuk menyindir atau mencampakkan kritikan. Saya teringat satu ketika di Instagram di mana seseorang memuat naik meme yang sangat lucu tentang tindakan seorang selebriti yang terkenal. Meme itu menjadi viral dalam masa beberapa jam, dan seolah-olah seluruh dunia sedang tertawa bersama. Tetapi, di sebalik gelak tawa itu, terdapat satu pesan yang jelas bahawa kita perlu merenung tindakan kita dengan lebih serius. Lawak dalam hal ini adalah satu cara untuk mengganggu dengan halus dan membawa perubahan”*

(Informan 4, 16 tahun, pelajar)

Di sebalik gelak tawa, mesej yang disampaikan adalah serius dan menggalakkan pemikiran mendalam. Namun, perlu diingat bahawa tidak semua bentuk lawak adalah positif. Lawak dalam bentuk '*roasting*' di *Instagram* adalah satu contoh di mana tingkah laku yang mengganggu mungkin dilapisi dengan unsur jenaka, tetapi ia juga boleh membawa kepada imej negatif yang tidak diingini, seperti gangguan emosi dan konflik. Ini menunjukkan bahawa jenaka perlu digunakan dengan bijak dan sensitif dalam persekitaran digital. Informan 6 berpendapat fenomena '*roasting*' atau memasak di *Instagram* adalah contoh yang menarik. Ungkapan informan 6 menyatakan:

*“fenomena ‘roasting’ atau ‘memasak’ di Instagram, di mana individu secara terbuka mengkritik atau mengolok-olok orang lain. Walaupun mungkin nampak seperti sekadar lawak, ini sebenarnya boleh menjadi tingkah laku menganggu yang memudaratkan. Terdapat kesan sampingan yang tidak dijangka, seperti kehilangan peribadi dan kemarahan orang yang diolok-olok. Dalam konteks ini, lawak menjadi satu bentuk manifestasi tingkah laku disruptif yang perlu diambil perhatian serius”*

(Informan 6, 16 tahun, pelajar)

Dalam konteks ini, individu secara terbuka mengkritik atau mengolok-olok orang lain. Tindakan ini mungkin nampak sebagai hiburan, tetapi ia sebenarnya boleh mencetuskan konflik. Ia menunjukkan bahawa lawak yang tidak sensitif boleh menyumbang kepada tingkah laku yang merosakkan dan mengganggu. Justeru itu, pengguna Instagram perlu menggunakan humor dengan bijak dan sensitif, menghormati batasan dan perasaan orang lain. Lawak boleh menjadi alat yang ampuh untuk melawan dengan halus dan membawa perubahan positif, tetapi juga boleh menjadi senjata yang merosakkan jika tidak digunakan dengan berhemah. Kesedaran dan kebijaksanaan dalam menggunakan humor dalam alam digital sangat penting.

### Berita Semasa

Berita semasa yang melibatkan jejak digital di *Instagram* adalah berita-berita yang menunjukkan bagaimana penggunaan, pemanfaatan, dan kesan *Instagram* sebagai platform media sosial yang popular di era digital. Dalam kajian ini, informan 3 berpendapat:

*“Instagram tidak hanya menjadi platform untuk berkongsi gambar dan cerita, tetapi juga semakin menjadi sumber berita utama bagi banyak orang. Berita semasa seringkali viral di sini, tetapi yang membuatkan saya risau adalah bagaimana berita palsu atau tidak sah sering tersebar begitu cepat. Saya pernah melihat sebuah berita palsu tentang peristiwa penting yang tersebar melalui Instagram Stories. Ini adalah contoh jelas tentang bagaimana platform ini boleh digunakan secara berkesan untuk menyebarkan disinformasi”*

(Informan 3, 16 tahun, pelajar)

Justeru, *Instagram* merupakan platform yang berkuasa untuk menyampaikan berita semasa kepada orang ramai dengan segera. Namun, ia juga rentan terhadap penularan berita palsu dan disinformasi yang boleh menimbulkan kesan negatif. Oleh itu, pengguna *Instagram* perlu bertanggungjawab dalam menapis sumber berita dan mengesahkan kebenarannya sebelum berkongsi maklumat tersebut. *Instagram* tidak hanya tempat untuk menunjukkan gambar dan cerita, tetapi juga medium penting untuk berita semasa. Di sini, berita mudah menjadi viral, tetapi juga mudah menjadi mangsa kepada penipuan dan pembohongan. Penyelidik telah melihat berita palsu yang melibatkan isu-isu besar yang tersebar melalui *Instagram Stories*. Ini menunjukkan bahawa platform ini, walaupun mempunyai kelebihan untuk menyampaikan berita dengan pantas, juga mempunyai kelemahan untuk menyebarkan dan menghasilkan maklumat yang salah dan tidak tepat. Selain itu, tingkah laku tidak beretika juga kerap berlaku dalam bentuk komen dan respons terhadap berita semasa di Instagram. Individu yang kerap mengekspresikan pendapat mereka secara kasar dan tidak menghormati pendapat orang lain boleh menyebabkan pertelingkahan dan perpecahan dalam masyarakat. Dalam ungkapan informan 4 menyatakan:

*“Tingkah laku disruptif juga dapat dilihat dalam komentar dan maklum balas terhadap berita semasa di Instagram. Seringkali, orang-orang berkongsi pandangan mereka secara agresif dan tanpa hormat terhadap pandangan orang lain. Ini boleh mencetuskan konflik dan perpecahan dalam masyarakat. Manifestasi tingkah laku disruptif ini dalam komentar berita menyoroti pentingnya menghormati perbezaan pendapat dan berbincang secara berhemah dalam lingkungan digital”*

(Informan 4, 16 tahun, pelajar)

Informan 4 berhujah ketika berita semasa dibincangkan di *Instagram*, komentar yang agresif dan tanpa hormat boleh menjadi bentuk tingkah laku disruptif. Hal ini menunjukkan bahawa platform ini juga boleh menjadi tempat konflik sosial. Pentingnya berkomunikasi dengan berhemah dan menghormati pandangan

orang lain dalam lingkungan digital menjadi jelas. Justeru, komentar yang kasar ini memaparkan keperluan untuk berkomunikasi dengan berhemah dan menghormati perbezaan pendapat dalam lingkungan digital.

#### *Pendapat Individu*

Pendapat individu dalam jejak digital di *Instagram* adalah pandangan atau persepsi yang dimiliki oleh pengguna *Instagram* tentang diri mereka sendiri, orang lain, atau produk yang dipromosikan di platform media sosial tersebut. Pendapat individu ini dapat dipengaruhi oleh berbagai faktor, seperti jenis kandungan, masa penggunaan, interaksi sosial, kepuasan diri, dan lain-lain. Pendapat individu ini juga dapat mempengaruhi pembentukan identiti, perihal diri, dan tingkah laku pengguna. Dalam kajian ini, ungkapan informan 8 menyatakan:

*“Di Instagram, pendapat saya adalah segalanya. Saya suka berbicara tentang isu-isu penting, tetapi kadang-kadang pendapat saya bertembung dengan pendapat orang lain, dan ini membawa kepada konflik yang sengit. Tetapi itulah juga kekuatan platform ini - ia membolehkan kita menyuarakan pendapat kita, walaupun ia boleh menjadi disruptif pada masa yang sama”*

(Informan 8, 16 tahun, pelajar)

Informan 8 menyatakan bahawa tingkah laku disruptif di *Instagram* kerap dikaitkan dengan perbincangan dan perdebatan yang hangat antara pengguna yang berbeza pendapat. Ini menunjukkan bahawa platform ini memberi ruang kepada individu untuk menzahirkan pandangan mereka, tetapi juga menimbulkan risiko konflik dalam prosesnya. Oleh itu, *Instagram* adalah platform di mana pendapat individu mempengaruhi tingkah laku disruptif. Pengguna biasanya mengutarakan pandangan mereka tentang isu-isu penting, tetapi perbezaan pendapat boleh menyebabkan konflik yang hebat. Ini mencerminkan kelebihan dan kekurangan platform ini - ia memberi kebebasan bersuara tetapi juga menimbulkan risiko ketegangan. Sementara itu, informan 9 menyatakan bahawa walaupun *Instagram* membolehkan individu menyampaikan kesedaran tentang isu-isu penting, tindakan yang kurang sopan dalam menzahirkan pendapat boleh mengganggu dialog dan meningkatkan tingkah laku disruptif. Dalam ungkapannya menyatakan:

*“Saya percaya dalam kesan positif Instagram sebagai alat untuk menyebarkan kesedaran tentang isu-isu penting. Walau bagaimanapun, saya kecewa dengan tingkah laku negatif yang sering berlaku di sini. Pendapat individu haruslah disampaikan secara berhemah tanpa menghina atau memusuhi. Ini adalah tuntutan yang mesti kita pegang teguh dalam menjalani kehidupan digital”.*

(Informan 9, 16 tahun, pelajar)

Ini menunjukkan pentingnya berbicara secara berhemah dan hormat dalam lingkungan digital. Oleh itu, penting bagi pengguna untuk berbicara dengan berhemah dan menghormati pandangan orang lain, menjaga keperdamaian dalam ruang digital. Pendapat individu seharusnya tidak disampaikan dengan cara yang menghina atau memusuhi.

#### *Aktiviti Semasa*

Aktiviti semasa dalam jejak digital di *Instagram* adalah aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pengguna *Instagram* di platform media sosial tersebut, yang mencerminkan minat, personaliti, dan gaya hidup mereka. Dalam kajian ini, aktiviti semasa di *Instagram* adalah cara yang kuat untuk menyebarkan mesej positif dan membincangkan isu-isu semasa secara langsung. Sebagai contoh, ungkapan informan 7 menyatakan:

*“Saya selalu memerhatikan bagaimana aktiviti semasa dapat mengubah pandangan orang terhadap sesuatu isu. Di Instagram, orang sering menggunakan Stories dan live streaming untuk membincangkan isu-isu semasa secara langsung. Ini membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan penonton dan mencetuskan perbincangan yang mendalam. Tetapi, perlu diingat bahawa aktiviti semasa juga boleh mencetuskan konflik jika tidak dilakukan dengan bijak”*

(Informan 7, 16 tahun, pelajar)

Informan 7 berhujah aktiviti semasa di Instagram, seperti *Stories* dan *live streaming*, memainkan peranan penting dalam membincangkan isu-isu semasa secara langsung. Walau bagaimanapun, aktiviti ini juga membawa risiko konflik jika tidak dilakukan secara bijak. Ini menyoroti betapa pentingnya berkomunikasi dengan berhemah dan mendalam dalam lingkungan digital. Manakala, informan 6 pula berpendapat aktiviti semasa di Instagram sering digunakan untuk menyebarkan mesej positif dan kesedaran tentang isu-isu penting. Dalam ungkapannya menyatakan:

*“Saya terlibat dalam aktiviti semasa yang bertujuan untuk menyebarkan kesedaran tentang alam sekitar. Kami mengadakan kampanye Instagram Live untuk berkongsi tips kelestarian. Meskipun ada yang menyokong, ada juga yang mencetuskan ketegangan dengan pandangan berbeza. Aktiviti semasa ini menunjukkan bahawa platform ini membolehkan kita menyebarkan mesej positif tetapi juga menguji tahap kesabaran dalam menghadapi kontroversi”*

(Informan 6, 16 tahun, pelajar)

Walau bagaimanapun, ia juga boleh mencetuskan perdebatan dan konflik disebabkan perbezaan pandangan. Ini menggaris bawah kepentingan berkomunikasi dengan bijak dan kesabaran dalam menghadapi pelbagai reaksi dari pengikut. Dalam konteks ini, platform ini mempunyai potensi besar untuk membentuk pandangan dan mempengaruhi perbincangan awam, tetapi juga memerlukan kesabaran dan kemahiran dalam berkomunikasi dengan bijak untuk menghadapi pelbagai tanggapan daripada pengikut. Mesej utama ialah pentingnya menjaga dialog yang mendalam dan hormat dalam ruang digital demi mencapai kesan positif yang lebih besar.

### *Muzik*

Muzik dalam jejak digital di *Instagram* adalah muzik yang digunakan oleh pengguna dalam kandungan mereka, seperti foto, video, cerita, atau langsung. Muzik ini dapat menambahkan suasana, emosi, atau pesan kepada kandungan tersebut, serta menarik perhatian, minat, atau sokongan dari penonton. Walau bagaimanapun, penggunaan muzik dalam jejak digital di *Instagram* juga memerlukan perhatian dan tanggungjawab, kerana muzik adalah karya seni yang dilindungi oleh hak cipta. Pengguna *Instagram* tidak boleh sembarangan menggunakan muzik yang tidak mereka miliki hak untuk menghasilkan semula, atau yang melanggar perjanjian pelesenan muzik dengan pemegang hak muzik. Jika tidak, mereka mungkin akan menghadapi masalah, seperti video mereka disekat, atau dituntut oleh pemegang hak muzik. Oleh itu, pengguna *Instagram* perlu mematuhi peraturan dan panduan yang ditetapkan apabila menggunakan muzik dalam kandungan mereka. Peraturan dan panduan ini mungkin berbeza mengikut jenis kandungan, seperti cerita, suapan, langsung, atau reels. Secara umum, pengguna *Instagram* disarankan untuk menggunakan muzik yang pendek, positif, dan sesuai dengan kandungan mereka, serta menghormati hak cipta dan kreativiti pemegang hak muzik. Sebagai contoh, informan 5 menyatakan:

*“Kami semua boleh faham muzik di Instagram. Kami tunjuk video dan cerita dengan lagu-lagu yang ada makna. Muzik boleh luahkan perasaan dan mulakan borak-borak. Tapi, ada masalah juga - kena jaga hak cipta dan jangan langgar hak orang yang buat lagu, kalaupun tidak susah dalam dunia digital ni”*

(Informan 5, 16 tahun, pelajar)

Selain itu, pengguna sering berkongsi lagu-lagu dan mengadakan sesi *live jamming* untuk menyampaikan mesej penting dan mengadakan perbincangan. Namun, risiko pelanggaran hak cipta dan komen negatif boleh mengacau proses ini. Ini menunjukkan perlunya kesedaran tentang hak cipta dan pentingnya menjaga komunikasi yang sopan dalam dunia digital. Muzik, yang boleh menyatukan dan memisahkan, menunjukkan betapa kompleks perananannya dalam aktiviti di *Instagram* dan betapa pentingnya menjaga etika dalam manifestasi muzik di platform ini. Sebagai contoh, ungkapan oleh informan 3 menyatakan:

*“Saya suka main muzik secara langsung dengan orang yang minat muzik di Instagram. Tapi, kadang-kadang ada komen-komen jahat dan kurang sopan yang kacau. Ini tunjuk bahawa muzik boleh rapatkan orang, tapi boleh juga buat gaduh dalam dunia digital. Saya rasa penting untuk hormat-hormat dalam semua cara kita tunjuk muzik di sini”*

(Informan 3, 16 tahun, pelajar)

### *Berita Mistik*

Berita mistik dalam jejak digital di *Instagram* adalah berita yang berkaitan dengan kejadian-kejadian aneh, pelik, atau menakutkan yang didakwa berlaku di media sosial. Berita mistik dalam jejak digital di platform ini boleh menimbulkan rasa kegusaran dan takut dalam kalangan pengguna media sosial. Sesetengah orang mungkin percaya dengan berita-berita tersebut, manakala sesetengah orang mungkin menganggapnya sebagai tipu daya, rekayasa, atau propaganda. Oleh itu, penting untuk bersikap kritikal dan tidak mudah terpengaruh atau terlibat dengan perkara-perkara yang tidak pasti atau berbahaya apabila berhadapan dengan berita mistik dalam jejak digital di *Instagram*. Sebagai contoh, informan 7 menyatakan:

*“Saya sering nampak berita mistik di Instagram yang mengisahkan perkara-perkara luar biasa yang tak boleh diterangkan. Walaupun menarik, kita kena waspada sebab banyak daripada ini cuma tipu atau konspirasi. Berita mistik boleh buat kita keliru dan sesat, menyebabkan kita bertindak pelik dalam mencari jawapan yang tak ada”*

(Informan 7, 16 tahun, pelajar)

Manakala informan 4 pula menyatakan berita mistik boleh digunakan sebagai alat untuk merosakkan reputasi seseorang. Dalam ungkapannya menyatakan:

*“Saya kena fitnah dengan berita mistik palsu di Instagram yang kata saya terlibat dengan perkara pelik. Padahal, ini adalah usaha jahat untuk hina saya. Berita mistik boleh jadi alat untuk burukkan orang lain. Jadi, kita kena cermat dan waspada sebelum terima atau sebar berita macam ni”*

(Informan 4, 16 tahun, pelajar).

Ini menunjukkan betapa berbahayanya penyebaran berita palsu dalam bentuk berita mistik dan pentingnya untuk melakukan penyelidikan dan berhati-hati sebelum menerima atau menyebarkan maklumat seperti itu. Justeru, kepercayaan buta kepada berita mistik boleh mencetuskan kekeliruan dan kebingungan di kalangan pengikut, yang pada gilirannya menyumbang kepada tingkah laku disruptif dalam mencari jawapan yang tidak pasti. Oleh itu, penting untuk menjadi bijak dan kritis dalam menilai serta menyebarkan berita mistik di lingkungan digital ini.

### *Kecantikan*

Kecantikan dalam jejak digital di *Instagram* adalah suatu konsep yang berkaitan dengan bagaimana seseorang menampilkan dirinya di platform media sosial tersebut. Kecantikan di *Instagram* tidak hanya ditentukan oleh penampilan fizikal, tetapi juga oleh gaya, konten, dan interaksi yang dibangun dengan pengikut. Kecantikan di *Instagram* dapat mempengaruhi reputasi, populariti, dan kesempatan seseorang di dunia nyata. Dalam kajian ini, informan 8 menyatakan:

*“Kita sering terinspirasi oleh kecantikan yang ada di Instagram, tetapi kadang-kadang, kita juga merasa kurang percaya diri dengan penampilan dan bentuk badan kita. Kita terlalu mudah terpengaruh oleh gambaran kecantikan yang palsu dan diedit. Cara-cara menunjukkan kecantikan di media sosial ini boleh merosakkan rasa percaya diri kita dan membuat kita mengejar sesuatu yang tidak masuk akal”*

(Informan 8, 16 tahun, pelajar).

*Instagram* sering menjadi sumber inspirasi untuk kecantikan, tetapi terlalu sering, platform ini juga mencipta perasaan tidak selamat dengan rupa dan tubuh. Kecantikan yang tidak realistik yang sering disunting di sini boleh merosakkan keyakinan diri dan mendorong individu mengejar standard yang tidak dapat dicapai.

Informan 8 berkata *Instagram* sering menjadi sumber inspirasi untuk kecantikan, tetapi ia juga mempunyai risiko timbulnya perasaan kurang selamat dengan penampilan kita. Terlalu banyak paparan kepada idealisme kecantikan yang tidak realistik boleh merosakkan keyakinan diri dan mendorong pengguna untuk mengejar standard yang tidak mungkin dicapai. Selain itu, terlalu banyak pemalsuan gambar dan penggunaan *filter* yang berlebihan dalam manifestasi kecantikan boleh menjadi disruptif kerana mereka menimbulkan tekanan untuk mencapai kesempurnaan palsu. Ini menunjukkan kepentingan menerima dan mempromosikan kecantikan sejati dan keyakinan diri yang positif dalam platform digital ini. Sebagai contoh, informan 9 menyatakan:

*“Saya suka tengok trend kecantikan di Instagram, tapi saya tahu banyak gambar yang ditipu atau diedit. Bila orang nak cantik sangat sampai pakai filter banyak-banyak atau buat kosmetik berlebihan, tu boleh jadi masalah. Kita kena ingat yang penting ialah terima diri kita macam mana pun dan tunjuk kecantikan asli kita kat Instagram ni”*

(Informan 9, 16 tahun, pelajar).

Informan 9 mengkritik bahawa kecantikan di Instagram kerap ditampilkan dengan gambar yang direka dan filter yang melampau. Ini boleh menimbulkan masalah bila pengguna terlalu obses untuk menepati standard kecantikan yang tidak masuk akal. Informan 9 menyeru agar pengguna menerima keunikan diri mereka dan menyokong kecantikan hakiki dalam media sosial.

## Perbincangan

Hiburan memainkan peranan penting dalam kehidupan remaja pada hari ini, dengan pelbagai bentuk media dan kandungan yang mudah diakses di hujung jari mereka. Perbincangan ini meneroka bagaimana pelbagai aspek hiburan, termasuk hubungan, humor, peristiwa semasa, pendapat individu, aktiviti semasa, muzik, berita mistik, dan kecantikan, boleh mempengaruhi tingkah laku disruptif dalam kalangan remaja. Untuk menyokong perbincangan kajian, artikel ini telah merujuk kepada kajian-kajian yang relevan dan penyelidikan yang telah dijalankan dalam bidang ini.

Remaja sering mengakses kandungan yang berkaitan dengan hubungan romantik melalui filem, rancangan TV, dan media sosial. Satu kajian oleh Anderson dan Dill (2000) mendapati bahawa pendedahan kepada hubungan kekerasan dalam media boleh mengurangkan sensitiviti remaja terhadap tingkah laku agresif, yang mungkin membawa kepada kecenderungan gangguan. Selain itu, penggambaran hubungan yang tidak realistik boleh menyumbang kepada ketidakpuasan dan tekanan emosi, yang mungkin muncul sebagai tingkah laku gangguan. Selain itu, remaja tertarik kepada humor dalam pelbagai bentuk, termasuk *meme*, komedi berdiri, dan satira. Walaupun humor boleh mempunyai kesan positif, pendedahan yang berlebihan kepada humor yang gelap atau yang menghina boleh mengurangkan sensitiviti remaja terhadap tingkah laku yang tidak wajar. Satu kajian oleh Ferguson (2013) mencadangkan bahawa pendedahan kepada humor yang agresif dalam media boleh dikaitkan dengan tingkah laku agresif.

Selain itu, media sosial membuka mata remaja kepada perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka, seperti isu-isu semasa, perbualan, dan pandangan. Namun, Primack et al. (2017) mendapati bahawa terdedah kepada terlalu banyak berita buruk dan pendapat yang mencetuskan kontroversi di media sosial boleh menambahkan tekanan dan kebimbangan, yang boleh mendorong remaja ke arah tingkah laku yang merosakkan. Remaja juga gemar menyertai komuniti dan forum dalam talian untuk meluahkan pendapat mereka. Walaupun perdebatan boleh membina kritikal, ada kemungkinan remaja terperangkap dalam “bilik gema” dan mudah dipengaruhi. Menurut kajian Pennycook dan Rand (2019), remaja yang terdedah kepada pendapat yang sangat melampau di internet boleh berubah sikap dan tingkah laku. Seterusnya, permainan video adalah bentuk hiburan yang popular di kalangan remaja. Beberapa kajian, seperti yang oleh Gentile et al. (2014), telah menemui hubungan antara bermain permainan video secara berlebihan dan tingkah laku disruptif. Namun begitu, hubungan antara permainan video dan tingkah laku adalah kompleks dan tidak sepenuhnya difahami. Dalam pada itu, ramai remaja menikmati muzik dengan lirik agresif atau eksplisit. Kajian oleh Arnett (1991) mencadangkan bahawa pendedahan kepada lirik yang kejam atau seksual boleh menyumbang kepada tingkah laku agresif dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, kesan muzik terhadap tingkah laku mungkin berbeza-beza dalam kalangan individu. Selain itu, platform dalam talian juga

mendedahkan remaja kepada berita mistik dan teori konspirasi. Kajian oleh Lewandowsky et al. (2015) menunjukkan bahawa kepercayaan kepada teori konspirasi boleh mempengaruhi tingkah laku, terutamanya apabila ia membawa kepada ketidakpercayaan terhadap autoriti dan institusi. Industri hiburan sering menggalakkan standard kecantikan yang tidak realistik. Kajian oleh Perloff (2014) menunjukkan bahawa pendedahan kepada standard ini melalui media boleh membawa kepada ketidakpuasan tubuh dan tingkah laku gangguan seperti gangguan pemakanan. Oleh itu, hiburan mempunyai kesan mendalam terhadap tingkah laku remaja, baik secara positif maupun negatif. Ia adalah penting bagi ibu bapa, pendidik, dan masyarakat secara keseluruhannya untuk mengenali pengaruh ini dan menggalakkan literasi media dan kemahiran berfikir kritis di kalangan remaja. Selain itu, penyelidikan lanjut diperlukan untuk lebih memahami hubungan yang kompleks antara bentuk-bentuk hiburan yang berbeza dan tingkah laku gangguan dalam kalangan remaja.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, *Instagram* telah menjadi platform utama untuk hiburan dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, penggunaan yang berlebihan dan terdedah kepada hiburan yang disruptif boleh memberi kesan serius kepada tingkah laku remaja. Penting bagi masyarakat dan ibu bapa untuk mengambil tindakan dan memberi kesedaran kepada remaja tentang pengaruh media sosial ini. Dengan pendidikan dan sokongan yang betul, kita boleh membantu remaja menggunakan *Instagram* secara positif dan menghindari tingkah laku disruptif. Walaupun kajian mengenai tingkah laku disruptif di jejak digital *Instagram* sangat penting, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira. Batasan-batasan ini termasuk kesukaran untuk mendapatkan akses kepada data peribadi, cabaran dalam menguji kausaliti, kebolehpercayaan dan kesahan data, konteks dan kepelbagaiannya pengguna, serta perubahan dinamik dalam platform media sosial. Dalam menghadapi batasan ini, penyelidik dan praktis perlu menyesuaikan diri dan menggunakan kaedah yang sesuai untuk memahami fenomena tingkah laku disruptif secara menyeluruh. Dengan kesedaran terhadap batasan kajian ini, langkah-langkah yang lebih berkesan dapat diambil untuk mengurangkan dan mencegah tingkah laku disruptif dalam jejak digital *Instagram*.

Kajian ini memberikan implikasi yang penting tentang bagaimana penggunaan *Instagram* dan aktiviti dalam talian remaja boleh mempengaruhi tingkah laku disruptif mereka. Terdapat lima manifestasi hiburan utama yang ditemui dalam jejak digital *Instagram* remaja: perhubungan, humor, berita semasa, pendapat individu, aktiviti semasa, muzik, berita mistik, dan kecantikan. Dalam masyarakat digital yang semakin berkembang, remaja semakin terdedah kepada pelbagai pengaruh yang boleh mempengaruhi tingkah laku mereka. Kajian ini menyoroti kepentingan literasi digital dalam kalangan remaja. Ia juga menekankan bahawa ibu bapa, pendidik, dan pembuat dasar perlu memainkan peranan penting dalam memberikan panduan dan pendidikan kepada remaja tentang cara yang betul untuk berperilaku dalam talian. Ini adalah langkah penting untuk memastikan bahawa remaja dapat berfungsi dengan baik dalam landskap digital yang semakin kompleks dan mengurangkan tingkah laku disruptif yang boleh merosakkan diri mereka sendiri dan orang lain.

**Penghargaan:** Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (MoHE) Malaysia melalui The Fundamental Research Grant Scheme for Research Acculturation of Early Career Researchers (RACER/1/2019/SS05/UUM//5).

**Kelulusan Etika:** Rekabentuk kajian dan kaedah pengumpulan data telah memperolehi kelulusan daripada Pusat Pengurusan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Persetujuan maklumat telah diperolehi daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

**Konflik Kepentingan:** Semua pengarang menyatakan tiada konflik kepentingan.

## Rujukan

- Anderson, C. A., & Dill, K. E. (2000). Video games and aggressive thoughts, feelings, and behavior in the laboratory and in life. *Journal of Personality and Social Psychology*, 78(4), 772-790. <https://doi.org/10.1037//0022-3514.78.4.772>
- Arnett, J. J. (1991). Adolescents and heavy metal music: From the mouths of metalheads. *Youth & Society*, 23(1), 76-98. <https://doi.org/10.1177/0044118X910230010>
- Babbie, E. (2016). *The practice of social research* (14th ed.). Cengage Learning.
- Berita Harian. (2021, September 22). Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/09/867407/malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Bozzola, E., Spina, G., Agostiniani, R., Barni, S., Russo, R., Scarpato, E., Di Mauro, A., Di Stefano, A. V., Caruso, C., Corsello, G., & Staiano, A. (2022). The use of social media in children and adolescents: Scoping review on the potential risks. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(16), 9960. <https://doi.org/10.3390/ijerph19169960>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Brown, C., Flood, M., & Hegarty, K.L. (2020). Digital dating abuse perpetration and impact: The importance of gender. *Journal of Youth Studies*, 25, 193 - 208. <https://doi.org/10.1080/13676261.2020.1858041>
- Bryman, A. (2016). *Social Research Methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2015). *Basics of qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Factory, C. (n.d.). Malaysia social media statistics and facts 2024. *Commission Factory Affiliate Marketing Blog*. <https://blogcommissionfactory.com/affiliate-marketing/malaysia-social-media-statistics>
- Ferguson, C. J. (2013). Violent video games and the Supreme Court: Lessons for the scientific community in the wake of Brown v. Entertainment Merchants Association. *American Psychologist*, 68(2), 57–74. <https://doi.org/10.1037/a0030597>
- Gentile, D. A., Li, D., Khoo, A., Prot, S., & Anderson, C. A. (2014). Mediators and moderators of long-term effects of violent video games on aggressive behavior: practice, thinking, and action. *JAMA pediatrics*, 168(5), 450–457. <https://doi.org/10.1001/jamapediatrics.2014.63>
- Howe, S. (2023b, August 21). Social Media statistics for Malaysia [Updated 2023]. *Meltwater*. <https://www.meltwater.com/en/blog/social-media-statistics-malaysia>
- Khalisah, A., & Anjarningsih, H. Y. (2020). “Taking it for granted”: The utilization of pragmatic aspects in entertainment news reporting on Instagram. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 9(3). <https://doi.org/10.17509/ijal.v9i3.23200>
- Livingstone, S., & Brake, D. R. (2010). On the rapid rise of social networking sites: new findings and policy implications. *Children & Society*, 24(1), 75-83. <https://doi.org/10.1111/j.1099-0860.2009.00243.x>
- Lu, J. D. E, & Lin, J. S. E. (2022). Exploring uses and gratifications and psychological outcomes of engagement with Instagram Stories. *Computers in Human Behavior Reports*, 6. <https://doi.org/10.1016/j.chbr.2022.100198>
- Kowalski, R. M., Limber, S. P., & McCord, A. (2019). A developmental approach to cyberbullying: Prevalence and protective factors. *Aggression and Violent Behavior*, 45, 20–32. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2018.02.009>
- Lewandowsky, S., Ecker, U. K. H., & Cook, J. (2017). Beyond misinformation: Understanding and coping with the “post-truth” era. *Journal of Applied Research in Memory and Cognition*, 6(4), 353–369. <https://doi.org/10.1016/j.jarmac.2017.07.008>
- Moktar, N. H. H. M. H. I. (2023, May 29). *Malaysians spend almost 20 hours a week on social media*. Sinar Daily. <https://www.sinardaily.my/article/197149/malaysia/national/malaysians-spend-almost-20-hours-a-week-on-social-media>
- Neuman, W. (2014) *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Pearson, Essex, UK.
- Neuman, W. L. (2013). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Pearson Education.

- Neuman, W. L. (2015). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Pearson.
- Peña-Fernández, S., Larrondo-Ureta, A., & Morales-I-gras, J. (2022). Current affairs on TikTok. Virality and entertainment for digital natives. *Profesional de La Informacion*, 31(1). <https://doi.org/10.3145/epi.2022.ene.06>
- Pennycook, G., & Rand, D. G. (2019). The implied truth effect: attaching warnings to a subset of fake news stories increases perceived accuracy of stories without warnings. *Management Science*, 68(11), 4113-4126. <https://doi.org/10.1287/mnsc.2019.3478>
- Perloff, R. M. (2014). Social media effects on young women's body image concerns: Theoretical perspectives and an agenda for research. *Sex Roles: A Journal of Research*, 71(11-12), 363-377. <https://doi.org/10.1007/s11199-014-0384-6>
- Primack, B. A., Shensa, A., Sidani, J. E., Whaite, E. O., Lin, L. y., Rosen, D., Colditz, J. B., Radovic, A., & Miller, E. (2017). Social media use and perceived social isolation among young adults in the U.S. *American Journal of Preventive Medicine*, 53(1), 1-8. <https://doi.org/10.1016/j.amepre.2017.01.010>
- Smith, P. K., Mahdavi, J., Carvalho, M., Fisher, S., Russell, S., & Tippett, N. (2008). Cyberbullying: Its nature and impact in secondary school pupils. *Journal of Child Psychology and Psychiatry, and Allied Disciplines*, 49(4), 376-385. <https://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2007.01846.x>
- Social Media Stats Malaysia. (2023). *StatCounter Global Stats*. <https://gs.statcounter.com/social-media-stats/all/malaysia>
- Statista. (2023, November 1). *Malaysia: social media usage 2023*. <https://www.statista.com/statistics/883712/malaysia-social-media-penetration/>
- Statista. (2023, April 21). *Average daily time spent on social media in Malaysia Q3 2019-Q3 2022*. <https://www.statista.com/statistics/1379431/malaysia-average-daily-time-spent-on-social-media/>
- Stollfuß, S. (2020). Communitainment on instagram: Fitness content and community-driven communication as social media entertainment. *SAGE Open*, 10(2). <https://doi.org/10.1177/2158244020919535>
- Valkenburg, P. M., & Peter, J. (2009). Social consequences of the Internet for adolescents: A decade of research. *Current Directions in Psychological Science*, 18(1), 1-5. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8721.2009.01595.x>
- Webb, C. (2017). *Action research: Principles and practice* (Third Edition). SAGE Publications Ltd.
- Wright, M. F., & Li, Y. (2013). The association between cyber victimization and subsequent cyber aggression: the moderating effect of peer rejection. *Journal of Youth and Adolescence*, 42(5), 662-674. <https://doi.org/10.1007/s10964-012-9903-3>